

Rabu, Feb 07 2018

GLC sumbang untung pelihara alam sekitar, sosial

KUALA LUMPUR 6 Feb. - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan semua syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan menyumbang sekurang-kurangnya satu peratus daripada keuntungan sebelum cukai untuk tujuan sosial dan alam sekitar.

Perdana Menteri berkata, langkah itu akan membawa perubahan besar dalam kehidupan semua.

Beliau berkata, satu peratus daripada hanya 100 syarikat sendirian berhad utama akan menjadikan lebih RM1 bilion disumbangkan secara terus kepada masyarakat.

"Hari ini, saya ingin menjadikannya dasar bahawa semua GLC akan menerajui sumbangan minimum satu peratus daripada keuntungan sebelum cukai mereka kepada tujuan sosial dan alam sekitar," katanya dalam uaputama di Simposium Pasaran Modal Dunia 2018 di sini hari ini.

Menjelaskan banyak GLC telah melaksanakan dasar itu, beliau berkata: "Menjadi harapan saya bahawa penekanan baharu ini akan memberi inspirasi dan

UM 7/2

Waktu Solat		MBSB				
		SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya		6.10	7.27	1.30	4.51	7.28 8.40
PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya		6.17	7.33	1.35	4.56	7.32 8.43
KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya		6.04	7.21	1.25	4.45	7.24 8.35
JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya		5.59	7.18	1.22	4.42	7.22 8.33
KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya		5.35	6.53	12.57	4.17	6.57 8.08

Sebagai permulaan, kita ingin memantau sumbangan yang dibuat oleh GLC kita

dan akan memberi inspirasi dan menggalakkan semua organisasi Malaysia mengikuti langkah ini."

Hadir sama, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Tan Sri Ranjit Ajit Singh.

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan yakin GLC Malaysia boleh dan sewajarnya berperanan lebih besar dalam memberi sumbangan positif kepada masyarakat.

Dalam perkembangan lain, beliau memuji pihak pengawal selia atas usaha mereka meningkatkan ketelusan dan mendorong pendedahan yang baik, yang benar-benar memberi manfaat kepada persekitaran

dan memaklumkan perkembangan kepada anda mengenai impak yang mereka laksanakan."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

keseluruhan di samping mewujudkan kesan positif kepada komuniti lebih luas.

"Sebagai permulaan, kita ingin memantau sumbangan yang dibuat oleh GLC kita dan memaklumkan perkembangan kepada anda mengenai impak yang mereka laksanakan," katanya. - BERNAMA